

TEKS UCAPAN ALUAN

YANG BERBAHAGIA

PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR

NAIB CANSOLOR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA

ANJURAN

JABATAN INFRASTRUKTUR

**PEJABAT PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR &
INFOSTRUKTUR (PPII)**

DENGAN KERJASAMA

BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

29 SEPTEMBER 2023 | JUMAAT

DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR

Terima kasih Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Berbahagia Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che
Rose**

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Yang Berbahagia Profesor Ts. Sr. Dr. Md Yusof Hamid
Penolong Naib Canselor (Pembangunan)

Yang Berusaha Ir. Ts. Azman Saubiran
Pengarah Jabatan Infrastruktur

Yang Berbahagia,

- Timbalan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor
- Pendaftar UiTM
- Bendahari UiTM
- Rektor-Rektor, Dekan-Dekan, Para Pengarah Jabatan, Ketua PTJ, Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur, Pelajar-pelajar yang saya kasihi dan para hadirin yang saya hormati sekalian.

[Salutasi - Kemas kini berdasarkan kehadiran]

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menjayakan **Majlis Gotong Royong Perdana** anjuran Jabatan Infrastruktur Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

2. Pada kesempatan ini saya mengalu-alukan kehadiran **Prof. Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose**, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan kepada semua yang turut serta dalam program yang amat bermakna ini.

3. Dengan tema **Kita, Kampus dan Alam**, program gotong-royong ini diadakan serentak di seluruh kampus cawangan UiTM. Ini merupakan program yang julung-julung kali diadakan dengan melibatkan 34 kampus cawangan seluruh negara dan akan tercatat dalam **“THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS”**.

4. TAHNIAH Jabatan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

5. Untuk makluman hadirin sekalian, sejak tahun 2002 hingga kini, UiTM telah mencatat 11 rekod **“THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS”**.

- i. 1 MEI 2002: Jalur Gemilang di Puncak Kalapatar
- ii. 16 MEI 2004: Youngest to Scale Mount Everest

- iii. 25 OGOS 2007: Largest College Student Participation In A Run
- iv. 13 APRIL 2010: Largest Participation in Orienteering Event
- v. 17 JUN 2013: Most Number of Representative From A Single University In Everest Summit Expedition
- vi. 30 OGOS 2014: Jalur Gemilang Terbesar Terapung di Permukaan Air
- vii. 16 SEPTEMBER 2018: Jelajah Kasut Roda Terpanjang Di Semenanjung Malaysia
- viii. 20 JULAI 2018: The Largest Kayaking Expedition
- ix. 22 FEBRUARY 2019: Longest Distance Alps Hiking Expedition
- x. 21 FEBRUARY 2020: First University to Play In All Malaysia Football Leagues
- xi. 20 Ogos 2023: Penganugerahan Satu Juta Skrol

6. Segala pencapaian ini membuktikan kita warga UiTM mampu mencapai kejayaan jika kita kehendaki. Rekod ini juga akan melonjakkan nama Universiti seiring dengan agenda GRU2025 UiTM.

7. Usaha dan inisiatif yang dilaksanakan ini patut dilaksanakan secara berterusan. Aktiviti seperti ini sedikit sebanyak dapat menerapkan semangat cintakan kampus kepada seluruh warga UiTM, terutama staf dan pelajar.

8. Ia juga penting dalam usaha melestarikan kampus UiTM. Ini selari dan bertepatan dengan Tema 8 Pelan Strategik UiTM iaitu memwujudkan kampus yang lestari selaras dengan Sustainable Development Goal (SDG) yang ditetapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Universiti ini bukan tempat menimba ilmu akademik saja, UiTM juga membentuk insan yang berkualiti. Keceriaan dan kebersihan kawasan Universiti adalah penting bagi meningkatkan mutu pendidikan dan

menjadikan iklim Universiti lebih ceria, tenang & selesa agar dapat melahirkan warga yang sihat dan proaktif.

10. Melalui program ini juga membuktikan komitmen UiTM yang tidak berbelah bahagi dalam memberikan kecemerlangan pendidikan. Ia mencerminkan dedikasi dan kerja keras semua pihak dalam memupuk persekitaran pembelajaran yang kondusif. Budaya cintakan kebersihan ini seiring dengan nilai-nilai teras Malaysia Madani dalam kalangan warga IPT.

Hadirin yang dihormati,

11. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Infrastruktur, Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar kerana telah berjaya menganjurkan program Gotong Royong Perdana ini.

12. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas sokongan padu dalam menjayakan program pada hari ini.

13. Semoga program yang dianjurkan melalui kerjasama erat antara semua pihak ini memberi manfaat dan impak kepada pelajar, pensyarah, pentadbir dan seluruh warga Universiti.

14. Sesungguhnya kolaborasi dan kerjasama yang terbina melalui penganjuran program ini, diharapkan menjadi titik permulaan bagi penganjuran program-program yang berimpak tinggi pada masa akan datang. Semoga Allah SWT membalas segala usaha kita semua dengan ganjaran nikmat terbaik di dunia dan

di akhirat.

Sekian Terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarokatuh.